

Utamakan Bahasa Melayu

KUALA LUMPUR, Isnin — Rakyat perlu memupuk sikap mengutamakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang memberi identiti kepada negara dalam usaha mencapai Wawasan 2020, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau membayangkan Bahasa Melayu akan mencapai tahap bahasa antarabangsa serta dipelajari semua orang jika Malaysia berjaya menguasai perdagangan dunia pada masa depan.

"Satu hari kalau orang Melayu orang Malaysia menjadi begitu maju sehingga menguasai perdagangan antarabangsa, ramai bangsa lain akan mempelajari bahasa kita," katanya.

Beliau berkata, ramai orang mempelajari Bahasa Jepun bukan kerana berminat dengan bahasa itu tetapi untuk mempelajari mengenai bangsa yang maju.

Perdana Menteri berkata, rakyat boleh menentukan sendiri fungsi bahasa kebangsaan berhubung kedudukannya sebagai alat untuk mencapai matlamat pembentukan bangsa dalam Wawasan 2020.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, nasionalis yang sebenar bukan semata-mata orang yang sayang kepada bahasa ibunda tetapi juga cinta kepada bangsa serta sanggup menggunakan sebarang alat untuk memajukan bangsanya.

Katanya, seseorang nasio

nalisis sanggup belajar bahasa asing, khususnya Bahasa Inggeris jika ia adalah alat untuk memajukan bangsa sendiri.

"Tetapi dia tidak harus lupa daratan atau lupa asal-usulnya. Janganlah kita tekankan satu bahasa saja, misalnya Bahasa Inggeris sehingga lupa langsung bahasa kebangsaan.

"Itu tidak kena. Tetapi kita perlu tahu Bahasa Inggeris kerana perkataan yang kita mesti gunakan dalam dunia moden ini kadang-kadang tidak ada dalam bahasa kita dan kita terpaksa meminjam," katanya dalam rancangan Wawancara 'Bersama Perdana Menteri' terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang disiarkan malam ini.